

SSB: JPA terima cadangan CUEPACS

UM 2 DEC 2001

Oleh G. MANIMARAN

KUALA LUMPUR 1 Dis. — **Jabatan** Perkhidmatan Awam (JPA) telah menyelesaikan kajian semula ke atas Sistem Saraan Baru (SSB) dengan mengambil kira sebahagian besar cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Berdasarkan taklimat terakhir yang diberikan kepada wakil-wakil CUEPACS di Putrajaya petang semalam, JPA dijangka akan mengemukakan laporan kajiannya kepada kerajaan untuk pertimbangan tidak lama lagi.

Mingguan difahamkan, nama SSB akan dikekalkan meskipun kerajaan menjalankan kajian menyeluruh semula ke atas sistem saraan itu yang diperkenalkan pada tahun 1991.

"Dalam pertemuan kira-kira sejam semalam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Datuk Jamaluddin Ahmad Damanhuri) telah memaklumkan bahawa kebanyakan cadangan dibawa oleh CUEPACS telah diambil kira dalam kajian semula SSB.

"Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan cadangan-cadangan yang diambil kira atau cadangan-cadangan yang diketepikan, sebaliknya memberi jaminan kerajaan akan memberi pertimbangan sewajarnya berhubung cadangan-cadangan yang diutarakan," kata Setiausaha Agung CUEPACS, Abd. Rahman Manan ketika dihubungi hari ini.

Abd. Rahman memberitahu, pihaknya berharap SSB yang telah dikaji semula dilaksanakan awal tahun depan.

Kajian JPA itu merupakan yang pertama selepas 10 tahun SSB diperkenalkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah meminta JPA membuat kajian ekoran rungutan pelbagai pihak sebelum ini khususnya berhubung sistem penilaian prestasi.

Pada 2 Oktober lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, JPA akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan berhubung isu SSB yang dipertikaikan oleh CUEPACS pada penghujung tahun ini.

Pelaksanaan

Menurut Abdullah, sehingga kini, JPA telah mengadakan tiga siri perbincangan dengan CUEPACS mengenai pelaksanaan SSB.

Kerajaan akan membuat keputusan mengenai SSB berasaskan kepada cadangan JPA hasil daripada perbincangan tersebut, kata Abdullah yang menambah bahawa ia tidak akan tergesa-gesa dalam

membuat keputusan memandangkan ia adalah suatu yang besar dan melibatkan banyak pihak.

Abd. Rahman menambah, selain cadangan sebelum ini, CUEPACS juga akan mengemukakan beberapa syor tambahan untuk dimasukkan ke dalam SSB.

Antara syor baru itu ialah kenaikan imbuhan tetap perumahan, umur persaraan 58 tahun, kerja lima hari seminggu dan pelarasan gaji genap puluhan terdekat.

Awal tahun lalu, CUEPACS telah meminta kerajaan menghapuskan pelaksanaan Jadual Gaji Matriks selain meminta supaya sistem penilaian prestasi diubahsuai dan tidak menggunakannya untuk memberi kenaikan tahunan.

Sebaliknya, ia meminta kerajaan memperkenalkan ujian kecekapan bagi memberi kenaikan secara adil kepada semua kakitangan awam.

CUEPACS juga meminta supaya beberapa gred jawatan digabungkan bagi memperlihatkan skim perkhidmatan semasa.